

ANTIKOLONIALISME DALAM KARYA-KARYA DR BURHANUDDIN AL HELMI

ANTICOLONIALISME IN THE WORK DR BURHANUDDIN AL HELMI

Zabidin Haji Ismail
Institut Peradaban Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak
zabidinismail@yahoo.com

ABSTRAK

Dr Burhanuddin Al Helmi ialah tokoh politik Malaysia yang bergiat cergas dalam kancah politik negara ini selama tiga dekad (1930-1960) dan pernah menulis tentang mesej antikolonialisme di dalam karya-karya beliau. Oleh itu, tujuan kajian ini khusus menilai sejauh mana mesej antikolonialisme tersebut dibahasakan secara holistik dan dominan menerusi karyanya. Kajian ini menggunakan kaedah semiotik dan intertekstualiti serta bersandarkan teori sastera budaya atau *cultural studies theory* mendapati bahawa mesej antikolonialisme merupakan tema perbincangan utama yang dikaitkan dengan topik politik lain seperti kedaulatan negara, penjajahan, kemerdekaan dan pembentukan negara-bangsa.

Kata Kunci: Dr Burhanuddin Al Helmi, pemikiran politik, pejuang politik antikolonialisme, pejuang kemerdekaan, nasionalisme

ABSTRACT

Dr Burhanuddin Al Helmi was a Malaysian political figure who has been active in the political arena of the country for three decades (1930-1960) and had written several books on anti colonialism messages. Thus, this study specifically evaluate on how far that anti colonialism messages had been discuss holistically in his books. By applying cultural studies theory and using semiotic and intertextuality methods, it is found that anti-colonialism messages one of main theme debated in his books which is consistent with another political topics such as sovereignty, colonialism, independence and nation-state building.

Keyword: *Dr Burhanuddin Al Helmi, political thought, political activist, anti colonialism, independence fighter and nationalism.*

PENGENALAN

Antikolonialisme adalah istilah jamak yang mengandungi dua aksara yang membentuk sebuah rangkai kata. Justeru perkataan *anti* kata awalan yang bermaksud melawan, membantahi, menentang, tidak menyetujui (*Kamus Dewan*, 1994: 55). Lantaran itu pengertian *anti* dirumuskan sebagai suatu tindak-tanduk yang bertentangan melalui cara fizikal mahupun *spritual* terhadap individu, organisasi atau objek yang kontradik sifatnya.

Sementara itu, *kolonialisme* pula bererti dasar atau amalan oleh sesebuah negara meluaskan penguasaannya ke atas sesebuah negara lain (*Kamus Dewan* 1994: 694). Hal ini dapat difahami secara jelas berdasarkan pandangan Abdul Rahman Abdullah (1987:31) yang menyebut bahawa kolonialisme boleh dikatakan sebagai “satu konsep mengenai penguasaan politik secara keseluruhan oleh kaum penjajah terhadap tanah jajahannya.” Secara umum maksud kolonialisme itu ialah tindakan penguasaan terhadap sistem politik, sosial dan ekonomi oleh penjajah ke atas sesebuah negara.

Ertinya, rangkai kata *antikolonialisme* dapat digambarkan sebagai sikap individu atau kumpulan yang menentang atau memusuhi dasar atau amalan penjajah yang telah menjajah dan menguasai sesebuah negara. Sehubungan dengan itu, mesej antikolonialisme dalam kajian ini dilihat suatu tindakan menentang kuasa penjajah iaitu Inggeris (1874-1941) dan (1945-1957), Jepun (Disember 1941-Ogos 1945) dan zaman Komunis (1945) yang mencetuskan mesej antikolonialisme di dalam karya Dr Burhanuddin seperti dalam buku *Perjuangan Kita* (1946), *Falsafah Kebangsaan Melayu* (1954), *Agama dan Politik* (1954), *Ideologi Politik Islam* (1957), *Pidato Sambutan Kongres Parti Rakyat* (1955) dan *Islam dan Sosialisme* (1988) yang dijadikan sebagai sampel kajian.

Teori dan Kaedah

Kajian mesej antikolonialisme dalam karya Dr Burhanuddin bererti membicaraan dan menilaikan juga penglibatan politik beliau di luar teks itu sendiri. Ada hubungan simbiosis antara pengarang dengan karya atau antara teks kajian dengan teks sosial. Hal ini dapat dilakukan menerusi satu kerangka penyelidikan yang bersifat teorikal yang dijadikan landasan bagi mengenal pasti mesej antikolonialisme dengan pembuktian bersifat teoretik dan normatif.

Kerangka penyelidikan yang dimaksudkan ialah dengan pengaplikasian teori sastera budaya atau *cultural studies theory* yang relevan dengan skop kajian kerana teori tersebut berupaya dieksploit untuk melihat hubungan antara teks, pengarang / pembaca (khalayak) dengan budaya seperti mana yang diutarakan oleh Alan Sinfield (1992:291) bahawa teori ini mengkaji segala tindakan manusia memasuki dan membentuk masyarakatnya dengan menganalisis teks daripada pelbagai aspek budaya dan sosial.

Teori ini sangat mementingkan fungsi karya dan hubungan dengan khalayaknya yang menekankan penilaian dari sudut budaya. Justeru menurut Alan Sinfield penggunaan kaedah semiotik dan intertekstualiti adalah bersesuaian bagi mengaplikasikan teori tersebut. Kaedah semiotik yang dimaksudkan oleh Alan Sinfield ialah mencari makna yang tersembunyi di sebalik pertandaan (simbol / perlambangan) yang terdapat di dalam sesuatu karya itu.

Manakala dalam mencari makna menerusi kaedah semiotik harus juga digandingkan dengan kaedah intertekstualiti. Kaedah ini digunakan untuk melihat hubungan antara teks, pengarang atau khalayak yang membentuk budaya dan sosial tersebut. Kaedah intertekstualiti jelas dinyatakan oleh (Chambera et al., 1994:117) bahawa “...a correlation between text and the world or text and subject or figurative texts of inherently legible discourse that define our culture” yang dapat menyimpulkan bahawa teori sastera budaya itu telah membuka ruang kepada kajian budaya yang lebih mendalam, menyeluruh dan sistematik terhadap teks sastera (Mana Sikana, 2005:443).

Kerangka penyelidikan yang berlandaskan teori sastera budaya dengan menggunakan kaedah semiotik dan intertekstualiti merupakan instrumen penting dan tepat bagi menilai mesej antikolonialisme di dalam karya Dr Burhanuddin.

Mengenal Dr Burhanuddin Al Helmi

Dr Burhanuddin dilahirkan di Kampong Changkat Tualang, Kota Bharu, Perak pada 29 Ogos 1911 (*Falsafah Kebangsaan Melayu*, 1954: 6) dan mula belajar di Sekolah Melayu Behrang Ulu, Tanjong Malim, kemudian menyambung persekolahan di Kota Bharu, Perak. Sebaik tamat sekolah Melayu pada tahun 1924, beliau dihantar oleh bapanya ke Sungai Jambu, Padang Panjang, Sumatera, Indonesia, untuk belajar ilmu agama (Nabir Hj. Abdullah, 1976: 87). Di sini beliau berguru dengan ulama-ulama *Kaum Muda* dan berfahaman progresif tentang Islam serta menerima asuhan Haji Nuruddin, anggota Sarekat Islam Indonesia.

Pada tahun 1926 setelah kembali ke tanah air, bapanya telah menghantarnya ke sekolah pondok Pulau Pisang, Jitra, Kedah. Beliau tidak lama belajar di institusi terbabit kerana dikatakan sukatan pelajarannya agak rendah dan tidak sesuai dengannya. Lantaran itu, pada tahun 1927 (Burhanuddin Al Helmi, 1954: 6) beliau memasuki Madrasah Al-Masyhur Al-Islamiyyah, Pulau Pinang. Di madrasah ini beliau belajar sehingga tamat tingkatan menengah atas (Thanawi) (Abdullah Zakaria Ghazali, 1997: 23) dan berjaya menguasai bahasa Arab dan Inggeris (Kamarudin Jaffar, 1980: 4).

Pada tahun 1928 (Kamarudin Jaffar, 1980: 4) atas anugerah biasiswa oleh hartawan India Islam di Pulau Pinang, Dr Burhanuddin dihantar ke India untuk menyambung pelajaran (W. Mohd Azam Mohd. Amin, 1997: 23). Di India beliau banyak menimba pengalaman dalam gerakan kemerdekaan yang dilakukan oleh Mahatma Ghandi serta pernah berkenalan dengan Mohd Ali Jinnah, pengasas negara Islam Pakistan dan Pandit Nehru di samping beberapa pemimpin kemerdekaan India yang lain (Kamarudin Jaffar, 1980: 4). Pengalaman beliau di India dinukilkannya begini:

Masa saya di India saya dapat mempelajari bahasa Inggeris dan Perancis dan dalam mempelajari ilmu kedokteran Hemeopathy, asas bahasa Belanda memudahkan saya mempelajari bahasa Jerman (Burhanuddin Al Helmi, 2005:35)

Berdasarkan keterangan di atas, Dr Burhanuddin telah mempelajari lima bahasa iaitu Arab, Belanda, Inggeris, Perancis dan Jerman. Malahan ketika mendalami ilmu metafizik dia terpaksa memahami banyak bahasa Eropah. Katanya;

Kemudian masuklah saya ke dalam perguruan psikologi-metafizik, ilmu rohani juga falsafah dan perbezaan dan perbalahan. Maka termasuklah saya membahaskan berkenaan dengan sufi itu termasuk dalam falsafah. Saya pelajari sufi dari bahasa-bahasa di Eropah. Terpaksa saya balik saya mengenal Ghazali, Al Badwi, Ar Rifa'ie, Ar Rumi, Al Qusyairi, Ibnu 'Atha dan lain-lain serta rujuk kitab-kitab Eropah itu kepada kitab-kitab Arab maka barulah saya balik mencari kitab-kitab Arabnya pula. (Burhanuddin Al Helmi, 2005: 35)

Dr Burhanuddin berkata bahawa untuk mendekati ilmu tasauf dan tariqat perlu terlebih dahulu mempelajari ilmu fizik kemudian pelajari ilmu metafizik atau “mawara’ at-tabi’ah”, ilmu-ilmu falsafah dan ilmu-ilmu perbezaan antara agama. Malahan pembacaan yang begitu meluas itu telah mendorong beliau untuk mendalami ilmu tasawuf lebih-lebih lagi ketika menyiapkan tesis Doktor Falsafah (Ph.D) di Aligarh Muslim Universiti, India.

Pengetahuan tinggi terhadap pemikiran moden telah membentuk dirinya sebagai seorang reformis dan ini ditokok tambah dengan pembelajaran yang begitu luas telah membentuk beliau sebagai intelektual Islam yang berkelulusan ijazah kedokteran dalam bidang homeopati: *Medical Doctor of Homeopathy* (MDH). Menurut satu sumber:

Kecuali mereka yang benar-benar rapat dengannya, saya yakin sedikit sekali orang mengenali beliau sebagai profesor dan mahaguru yang mempunyai ijazah-ijazah kedokteran yang banyak seperti MDH (Medical Doctor of Homeopathy), ND (Doctor of Naturopathy), DD (Doctor of Divinity) dan yang terakhir sekali MDEH, saya tidak tahu gelaran sepenuhnya... (Rashidah Ismail, Dewan Masyarakat, 1996, Dis. (7):23)

Setelah tamat belajar di India, pada tahun 1935, beliau telah belayar ke Palestin sebelum kembali ke tanah air. Dr Burhanuddin mencipta nama penanya *Al Helmi* berasaskan gelaran yang dipegang oleh ayahandanya iaitu *Al Hulaimi* yang bermakna “orang yang tidak marah”. Namun begitu, dalam kalangan rakan-rakan seperjuangan dan orang biasa, Dr Burhanuddin dikenali dengan panggilan mesra iaitu *Pak Doktor* (Saliha Hj. Hassan 1997:46).

Beliau seorang tokoh politik dan pejuang kemerdekaan yang memperjuangkan kebangsaan Melayu, agama Islam dan pembebasan tanah air daripada belenggu penjajahan. Penglibatan beliau dalam kegiatan politik bermula dengan menganggotai Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1939, menubuhkan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS-1945), menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM-1945), membantu penubuhan Parti Rakyat Malaya (PRM-1955) dan sebagai Yang Dipertua Parti Islam Malaysia (PAS-1956).

Penglibatan beliau dalam bidang politik dan perjuangan kemerdekaan berpegang kepada tiga ciri pemikiran politik yang diyakininya iaitu: (i) Merdeka, (ii) Kebangsaan Melayu dan (iii) Islam (Kamarudin Jaffar (1980:9) manakala menurut W. Mohd Azam Mohd Amin pula bahawa idealisme

politik Dr Burhanuddin menjurus kepada tiga dasar yang utama: (i) Semangat keIslaman, (ii) Semangat Kebangsaan yang luas dan (iii) Penentangan terhadap penjajah (1997:75).

Namun dalam kajian mendapati bahawa Dr Burhanuddin tidak pernah terkeluar dari tiga dasar di atas malahan perjuangan beliau berteraskan Islam, tanah kebangsaan yang asal dan juga kemerdekaan tanah air.

Mesej Antikolonialisme dalam Karya Dr Burhanuddin

Mesej antikolonialisme yang diutarakan oleh Dr Burhanuddin didapati berubah-ubah mengikut pelan strategik penentangan terhadap penjajahan. Apa yang ketara ialah penentangan beliau terhadap penjajah Inggeris amat keras dan tiada langsung tolak ansur. Hal demikian berbeza terhadap penjajah Jepun, didapati corak penentangannya agak lembut dan sedia berkerjasama.

Dasar berkerjasama dengan Jepun telah memberikan beberapa keistimewaan kepada Dr Burhanuddin serta orang Melayu meskipun dasar tersebut tidak telus dan ikhlas baik di pihak Jepun mahupun di pihak Dr Burhanuddin kerana ia bersifat strategi politik kolonial semata-mata.

Bagi Dr Burhanuddin matlamat berkerjasama dengan Jepun adalah untuk kemerdekaan Tanah Melayu kerana beliau menyakini bahawa tentera Jepun boleh dirundingi dan agak “mesra” dengan nasionalis kiri berbanding penjajah Inggeris yang terlampau membenci pejuang radikal Melayu.

Justeru kajian tentang mesej antikolonialisme dalam karya-karya Dr Burhanuddin terpecah kepada tiga bahagian iaitu (i) antikolonialisme terhadap Inggeris, (ii) antikolonialisme terhadap Jepun dan (iii) antikolonialisme terhadap Komunis.

Antikolonialisme Terhadap Inggeris

Penentangan Dr Burhanuddin terhadap Inggeris agak keras dan berterusan sehingga beliau mengatakan perjuangan menentang penjajah adalah wajib dan jihad kerana penjajahan telah menyebabkan keruntuhan agama Islam dan identiti orang Melayu. Beliau menggambarkan angkara penjajahan tersebut berlaku bukan hanya di Tanah Melayu bahkan di setiap negara Asia Tenggara yang sedang dijajah. Dr Burhanuddin (1946: 17) menegaskan;

Berapakah jiwa yang telah melayang di Filipina menentang angkara Sepanyol, di Jawa, di Sumatera dan Celebes (Sulawesi) dengan Belanda. Begitu juga keadaan di Semenanjung kerana mempertahankan kehormatan dan rasa jiwa kebangsaan dan kemerdekaan bangsa dan nusa tak mahu dan tak reda diperkosa dan diperhambakan.

Seterusnya beliau menyifatkan bahawa penjajah Inggeris telah membawa perubahan negatif terhadap sosial penduduk Tanah Melayu. Inggeris pada mulanya datang kerana berniaga tetapi kemudian menjajah serta mengaut hasil mahsyul pertiwi sehinggakan bangsa Melayu bertukar menjadi “orang dagang” di tanah air sendiri. Dr Burhanuddin;

Bagaimana bijaknya orang-orang Barat hendak memulakan cengkaman “kuku penjahannya” di kepulauan ini ialah dengan nama syarikat perniagaan mereka disebut dengan nama company itu dan company ini kerana itulah juga orang barat itu di Tanah Melayu terkenal dengan sebutan orang company. Tahun 1511M itulah tahun malapetaka, tahun malang kepada bangsa Melayu kerana pada tahun itulah tarikh jatuhnya kerajaan Melayu yang gagah dan masyhur itu, kemudian beransur-ansurlah malang dan nahas yang menimpa seluruh bangsa Melayu di gugusan pulau-pulau Melayu dan dari semenjak itulah mula tenggelam hak dan keadilan bangsa Melayu dari muka dunia sebagai suatu bangsa yang pernah berdaulat dan berkerajaan sendiri (1946:10-11)

Dalam buku *Ideologi Politik Islam*, Dr Burhanuddin turut menjelaskan kedatangan Barat ke rantau Nusantara dengan membawa ideologi kapitalisme, monopolisme dan imperialisme yang

bertentangan dengan agama Islam dan budaya timur dan mula menular dalam kehidupan orang Melayu. Mereka datang menyerang Asia dan Afrika dengan nafsu tamak dan haloba (dlm. Kamaruddin 1980: 204).

Mereka juga datang dengan rasa keangkuhan daripada cetusan *Perang Salib* yang berlaku antara umat Islam dengan Kristian. Justeru puak imperialisme dan kolonialisme Barat datang melanggar Melaka dan Indonesia. Begitu juga kejatuhan Filipina ke tangan Sepanyol, serentak dengan itu juga bangsa Filipina dikristiankan (W. Mohd Azam: 1997: 118).

Dalam konteks ini, Ishak Saat (2009: 4) menyebut bahawa dasar British yang dilaksanakan di Tanah Melayu telah menjumudkan pemikiran, melemahkan ekonomi, politik, sosial serta pendidikan bangsa Melayu. Pensyarah Sains Politik UKM, Mahayudin Haji Yahaya (2001: 199) pula menegaskan, British sering memaksa raja-raja menentang gerakan antikolonial malahan kuasa agama yang dipegang oleh raja itu hanya pada nama sahaja sedangkan segala keputusan yang dibuat tentang agama adalah di tangan Gabenor British.

Menyedari hakikat ini, Dr Burhanuddin membentangkan dua cara dalam usaha menentang penjajahan iaitu agama dan kebangsaan. Penentangan dalam bentuk agama ialah perjuangan ahli-ahli tasawuf manakala perjuangan bercorak kebangsaan inilah yang lebih difokuskan kerana bentuk perjuangan ini menyebabkan ia lebih dikenali dengan nasionalis (W Mohd. Azam 1997. 102).

Justeru mesej antikolonialisme terhadap British diorientasikan oleh Islam kerana tiada dikotomi antara Islam dengan politik. Dalam *Ideologi Politik Islam* (dlm. Kamarudin 2000: 179), beliau menegaskan;

Kita perlu balik kepada al-Qur'an dan Sunnah yang nyata dan tegas menunjukkan bahawa Islam tidak boleh berpisah dan dipisah oleh politik kerana Islam menghubungkan hamba dengan Tuhan dan menghubungkan hamba dengan hamba. Islam mengubah bentuk dan dasar pemerintah dan masyarakat; bermula dari masyarakat nasional lantas ke masyarakat internasional. Ini jelas kelihatan perjalanannya dalam ssejarah Islam dan perjuangan ini akan terus berjalan hingga ke hari kiamat.

Dr Burhanuddin berpegang kuat kepada ajaran Islam dan cita-cita perjuangannya yang agresif terhadap kedudukan negara, menyebabkan masyarakat mula menyedari dirinya sebagai seorang pejuang bangsa, nasionalis dan tokoh agama (Majid Salleh 2009). Sikap antikolonialisme Dr Burhanuddin terhadap Inggeris diperjelaskan oleh Nabir Hj. Abdullah (1976;167), iaitu;

Beliau telah menyentuh soal perubahan-perubahan yang semestinya berlaku dalam golongan alim ulama di Tanah Melayu ini kerana ini akan memberi evolusi baharu juga dalam lapangan masyarakat, pada ajaran dan ekonomi serta menuju cita-cita murni dan suci. Cita-cita itu tidak lainlah daripada kemerdekaan dan kemajuan bangsa, tanah air dan agama. Persekutuan Tanah Melayu yang terbentuk 1 Februari tahun itu belum menentukan kemerdekaan yang diingini.

Hal ini dapat dilihat bantahan Dr Burhanuddin terhadap pembentukan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) oleh Inggeris pada tahun 1946 yang didakwanya bahawa Tanah Melayu kekal dijajah dan dicengkam dan minda bangsa Melayu masih dikongkong meliputi segenap aspek kehidupan.

Berikutan itu beliau juga menentang penubuhan Suruhanjaya Reid yang dipertanggungjawabkan untuk mengubal perlembagaan bagi persediaan Malaya merdeka. Suruhanjaya ini dibentuk oleh British kerana menunaikan janji kepada Parti Perikatan untuk memberikan kemerdekaan penuh dan tugas suruhanjaya ini ialah untuk menderaf perlembagaan PTM sebelum Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan daripada British pada 31 Ogos 1957.

G.P. Means (1976: 71-73) menyebut bahawa Suruhanjaya Reid telah dinamakan sempena nama pengerusinya, iaitu seorang hakim Mahkamah Rayuan England, Lord William Reid dan dianggotai terdiri dari Sir Ivor Jennings (Britain), Sir William McKell (Australia), Hakim B Malik (Pakistan) yang ditubuhkan pada Mac 1956.

Dr Burhanuddin mempersoalkan apakah peranan penduduk Tanah Melayu dalam menderafkan perlembagaan untuk tanah air mereka? Beliau merasa terkilan kerana rakyat tidak diberikan peluang untuk menentukan hala tuju dan memikirkan nasib negara yang bakal merdeka nanti. Menurut beliau, Suruhanjaya Reid tidak menerima sepenuhnya terutama yang berkaitan dengan soal kerakyatan, bahasa dan kedudukan orang Melayu.

Akhbar arus perdana, *Utusan Melayu* (18.3.1957) melaporkan ucapan Dr Burhanuddin mengatakan bahawa syor-syor dalam Suruhanjaya Reid itu merugikan bangsa Melayu dan terbabas dari keadilan. Nama bangsa Melayu telah dihapus dan jaminan kedaulatan bangsa Melayu dan agama Islam telah ditinggalkan.

Beliau menentang pemberian kerakyatan melalui *jus soli* (rakyat dengan diperanakkan) yang dicadangkan Suruhanjaya Reid ini bukanlah kerana rasa perkauman atau menyekat sesuatu hak tetapi yang dipertimbangkannya ialah keadilan politik dan kepentingan serta kebajikan negeri termasuk penduduk Melayu dan orang bukan Melayu yang menjadi rakyat di Tanah Melayu (Ismail Said 2008: 62).

Dr Burhanuddin mahukan kerakyatan yang lebih ketat dikenakan kepada orang dagang dan mencadangkan seseorang dagang yang memohon kerakyatan patut tinggal di PTM selama 15 tahun dengan tiada putusnyanya dan sesiapa yang telah tinggal tetap di PTM ini boleh memilih untuk menjadi orang dagang atau memilih untuk menjadi rakyat negeri ini (SP28/A/18).

Antikolonialisme Terhadap Jepun

Jika penentangan terhadap Inggeris agak keras dan berterusan sehingga mengatakan wajib berjihad tetapi terhadap Jepun, Dr Burhanuddin telah menukar rentak anti kolonialnya daripada keras kepada lembut. Strategi perjuangan antikolonialisme beliau dilihat memberikan kerjasama kepada Jepun semata-mata untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun, pada peringkat awal pencerobohan Jepun ke atas Tanah Melayu, Dr Burhanuddin bersikap melawan penjajah tersebut. Sikap anti kolonial terpancar dari jiwanya yang terrakam dalam *Sejarah Perjuangan Kita* (1946: 27) dengan menyatakan;

Bulan Disember 1941, tentera Jepun telah mencurah-curah masuk ke Malaya laksana air banjir layaknya dengan tiada tertahan-tahan lagi. Belumpun semua Malaya tewas, Pulau Pinang sudah bergabenorkan orang India, akhirnya Singapura jatuh, Inggeris menyerah kalah. Bangsa Melayu telah dapat menyaksikan kudrat dan iradat Tuhan yang maha kuasa – mengatur dan melakukan segala kehendak-Nya. Itulah kemenangan Jepun yang dijangka-jangkakan dengan “kemenangan Asia Timur” konon. Ada juga orang yang berfikiran singkat turut suka dengan kemenangan itu. Mereka beramai-ramai keluar menyambut kedatangan Jepun konon, tetapi siapa yang lebih cepat berjumpa, orang itu yang lebih dahulu menerima hadiah “tempeleng pulang balik” dari Jepun. Inilah dia lagi suatu ujian kepada sejarah bangsa Melayu untuk mengalami suatu penjajahan baharu pula – penjajahan dari sama bangsa Asia.

Menerusi tulisan tersebut, Dr Burhanuddin amat benci dengan Jepun yang dianggapnya sebangsa Asia tetapi sanggup menjajah Tanah Melayu seraya menempelak dasar kerjasama yang dibawa oleh Jepun iaitu “kemenangan Asia Timur” sebagai omokan semata-mata.

Justeru kerjasama yang diberikan oleh Dr Burhanuddin kepada Jepun umpama kata pepatah iaitu “ada udang di sebalik batu” atau *agenda setting* dalam teori komunikasi yang dilihat sebagai tindakan strategi beliau dalam menghadapi pancaroba penjajahan. Beliau bertindak begitu kerana menyedari pihak pemerintah Jepun berpura-pura dan tidak ikhlas untuk memberi kemerdekaan dalam tempoh terdekat.

*Namun begitu, beliau terpaksa melakukan kerjasama dengan mereka atas beberapa alasan terutama sekali kejayaan tentera Jepun menghalau penjajah British dari Tanah Melayu. Sehubungan itu, Dr. Burhanuddin menjelaskan dalam bukunya, *Sejarah Perjuangan Kita* (1947: 28) iaitu; Kekejaman, kebengisan, kedurjanaan,*

kezaliman facis Jepun tiada siapa yang tidak kenal dan tidak perlu dituliskan pemerintahan tangan besi Firaun kurun dua puluh. Gerakan kebangsaan diharamkan sama sekali oleh Jepun. Maka ahli-ahli kebangsaan Melayu kiri telah mengambil langkah Musa dalam istana Firaun. Ada yang tinggal di dalam, ada yang tinggal di luar mengambil bahagian di hutan rimba jadi Anti-Facis ada yang menjalankan gerakan rayap semut putih, harimau dan sebagainya... ada pula yang memasukkan diri dalam Bintang Tiga, Communist Party, Anti-Facist dan lain-lain... kesedaran dan kemarahan kebangsaan Melayu bertambah berbangkit dengan sebab perkerti Jepun menyerahkan empat buah negeri Melayu kepada Thai.

Rasionalnya, Dr Burhanuddin menyedari niat serong Jepun dalam ‘membantu’ negara-negara Asia yang dijajah oleh Barat. Propaganda Jepun amat menarik hati tetapi tindakan atau perbuatannya menyakitkan. Hal ini terbukti apabila pihak pemerintah Jepun mengharamkan sebarang parti politik dan menutup segala ruang gerakan nasionalisme sebaik sahaja menduduki Tanah Melayu. Misalnya, KMM diharamkan serta merta pada bulan Mac 1942 (Harry J Benda, et.al. (1965: 1).

Dalam buku *Sejarah Perjuangan Kita* (1947: 27-28), Dr Burhanuddin dengan lantang mendedahkan sikap bermuka-muka Jepun dan tidak boleh dipercayai. Kata beliau;

Sebelum masuk tentera Jepun ke Malaya, bangsa Melayu telah mendengar kata-kata takbur dari propaganda Inggeris; “biar putih tulang jangan putih mata” dan sebagainya. Begitu pula sewaktu Jepun mula-mula sampai, bangsa Melayu telah disongsong dengan janji-janji yang manis dan gula-gula dengan semutnya; “kita sama-sama bangsa Asia, kemakmuran bersama Asia Timur raya” dan sebagainya. Semuanya itu adalah menjadi pengalaman dan pelajaran besar kepada bangsa Melayu yang mahu insaf. Itulah dia gula-gula penjajah. Sekali penjajah tetap penjajah! Kerana hanya baru beberapa hari sahaja Jepun berkuasa, mulalah mereka menunjukkan facisismnya, KMM pun diharamkan. Dari semenjak itu biasalah berlaku segala kezaliman, kekejaman, kebengisan yang tidak dapat digambarkan, yang harus menjadi kenang-kenangan selama hidup kepada bangsa Melayu, Itulah dia penjajahan walaupun dari mana juga datangnya!

Dr. Burhanuddin memahami yang pihak Jepun mempunyai hasrat yang sama seperti British dan Belanda iaitu menjajah dan menjadikan Tanah Melayu sebagai jajahan takluk. Tujuan sebenar Jepun menakluki Tanah Melayu dan negara-negara Asia adalah mengambil hasil bumi mereka kerana kepulauan Melayu (Nusantara) kaya dengan sumber asli yang boleh mendatangkan keuntungan kepada mereka. Hal ini dijelaskan oleh Yoji Akashi (1969:82) dalam tulisannya seperti berikut:

Mengikut rancangan ini, Tanah Melayu akan diletakkan di bawah pemerintahan Jepun sebagai sebahagian empayar Jepun dan negeri-negeri Melayu dipimpin oleh sebuah badan penyediaan pentadbiran tentera.

Apabila berlaku sebarang bentuk penjajahan turut berlaku juga segala bentuk kekejaman dan penindasan terhadap bangsa yang dijajah seperti apa yang terjadi di Tanah Melayu (SUK (Tr) 109/1361 dan 51/2603). Hal demikian dipersetujui oleh Ilias Hj. Zaidi (SP/84) dalam sebuah artikel tentang sikap antikolonialisme Dr Burhanuddin terhadap Jepun. Katanya;

Dr. Burhanuddin masih menganggap Jepun sebagai penjajah seperti British yang perlu diusirkan dari tanah air. Beliau berpura-pura bersikap berbaik-baik dengan pihak Jepun adalah kerana satu taktik perjuangan memerdekakan Tanah Melayu. Seterusnya, sikap beliau yang bekerjasama dengan penjajah dari Timur itu memberi sedikit kelebihan apabila pihak Jepun memberi perhatian kepadanya dengan melantik beliau sebagai pegawai penasihat dalam pusat pentadbiran tentera Jepun yang dikenali dengan ‘Gunsereibu’ yang berpusat di Singapura dan kemudian di Taiping .

Sikap bersandiwara Jepun itu terserlah apabila Jepun membentuk satu sistem pentadbiran Tanah Melayu yang digabungkan dengan pentadbiran Sumatera manakala wilayah di sebelah utara, iaitu Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu diserahkan kepada pemerintahan Siam pada 18 Oktober 1943 (Mohammad Muzammil 2005:106 / /SUK(K) 243-2603).

Tindakan Jepun menyerahkan wilayah utara Tanah Melayu kepada Siam kerana mahu membalas budi baik kerajaan Siam yang membenarkan penggunaan wilayahnya di bahagian selatan sebagai pintu masuk tentera Jepun sewaktu melanggar Tanah Melayu pada tahun 1941 (BMA/ADM 327/46).

Walaupun Dr. Burhanuddin curiga tindak tanduk Jepun tetapi beliau masih yakin dan menaruh harapan bahawa Jepun akan memberikan kemerdekaan bersama Indonesia di saat-saat akhir tamat peperangan.

Kesan dasar bekerjasama itu telah memberikan Dr Burhanuddin ruang mengadakan satu kongres yang agak besar dan mendapat restu Jepun. Kongres tersebut digunakan secara optimum membincangkan tentang hal ehwal agama Islam serta menyatukan persaudaraan sesama agama dan bangsa dan turut dihadiri oleh peserta dari Sumatera.

Kongres yang diadakan pada tahun 1944 itu membincangkan isu-isu ke-Islaman, pemikiran nasionalisme Melayu, antikolonialisme dan kemerdekaan, malangnya pengisian kongres berjaya dikesan dan difahami oleh Jepun, menyebabkan kongres seterusnya gagal diadakan. Pihak Jepun berasa bimbang jikalau tidak disekat, kongres kedua akan menjadi pusat kegiatan nasionalisme masyarakat Islam (N.J. Funston 1980: 119).

Dasar kerjasama Dr. Burhanuddin dengan tentera Jepun telah memberikan beliau bergerak bebas merintis jalan kemerdekaan Tanah Melayu bersama-sama Indonesia menerusi konsep *Melayu Raya* (Kamaruddin Jaffar 1980: 31-63 dan 68-122 / C.O. 531/2177 / *Pelita Malaya* 1 dan 5 April 1946). Tambahan pula pemerintah Jepun bersetuju memerdekakan kedua-dua wilayah serumpun ini melalui propaganda-propagandanya yang disebarikan sebelum menjajah seluruh Asia Tenggara kecuali Siam.

Antikolonialisme Terhadap Komunis

Tanah Melayu pernah berhadapan dengan serangan Parti Komunis Malaya (PKM), sebelum parti itu diharamkan pada 23 Julai 1948 dan darurat diisytiharkan oleh *British Military Administration* (BMA) pada tahun itu juga (*Gazette*, Vol.1, No.13). Bagi menangani serangan tersebut, Dr. Burhanuddin menyeru agar orang-orang Melayu mengukuhkan keyakinan terhadap agama Islam yang berasaskan al-Quran dan Sunnah Rasul sebagai pendinding diri kerana doktrin komunisme tidak percaya kewujudan Tuhan yang Esa dan jikalau iman tipis macam kulit bawang, seseorang itu mudah tergelincir ke lembah kekufuran dan merosakkan akidah umat Islam.

Beliau juga mengingatkan orang Melayu bahawa “*berpolitik kerana ugama bukan beragama kerana politik*” yang dihuraikan oleh Dr Burhanuddin dalam bukunya *Islam dan Sosialisme* (1988:3) seperti berikut:

PAS menganggap bahawa komunis adalah satu penyakit dalam masyarakat, satu penyakit yang lahir dari kemelaratan dan kesengsaraan dalam masyarakat kita sendiri. PAS mempunyai keyakinan terhadap kekuatan ideologinya sendiri, terhadap kesucian dan kemuliaan keIslamannya, untuk mengatasi sebarang ideologi yang lain PAS mempunyai keyakinan kepada kekuatan keimanan rakyatnya untuk menghadapi persaingan dan perlumbaan ideologi yang lain. Kami berkeyakinan bahawa dalam persaingan dan perlumbaan yang aman damai antara ideologi-ideologi di dalam masyarakat kita, maka ideologi kitalah yang akan dapat menakluki ideologi-ideologi yang lain. Kerana itulah PAS menghendaki pemecahan dan penyelesaian yang aman damai kepada soal komunisme di tanahair kita, menghendaki agar ideologi komunis itu ditentang dengan aman dan damai, demi kepentingan kemanan dan kesejahteraan rakyat Malaya sendiri.

Keterangan yang tersebut di atas telah dicatatkan sebagai bersumberkan PAS walhal ia adalah pandangan Dr Burhanuddin sendiri terhadap komunisme. Beliau sebenarnya pernah dituduh sebagai pengikut komunis yang dikatakan boleh mengancam keselamatan Tanah Melayu oleh musuh-musuh politiknya.

Dakwa tersebut tidak rasional kerana bercanggah dengan sifat peribadi Dr Burhanuddin yang berpegang teguh kepada Islam dan mempercayai adanya Tuhan sedangkan komunisme membelakangi kewujudan Maha Pencipta. Hakikatnya, Dr. Burhanuddin penentang komunisme tegar yang ketika itu aliran pemikiran komunisme sedang hebat menular ke seluruh Asia.

Walau bagaimanapun, tuduhan tersebut dijawab Dr. Burhanuddin dalam Mukhtamar Agung PAS ke-6 dengan tegas menyatakan;

... adapun sikap kita terhadap komunis, kita telah menerangkan berkali-kali pendirian kita Islam dan pendirian PAS dalam menghadapi komunis... sesungguhnya saya bagi pihak PAS tidaklah berbau komunis dan penjajah, saya dan PAS adalah berisi, bersifat, berbau kebangsaan Melayu dengan cita-cita Islam. (Ibnu Hashim 1993:119)

Tambah beliau lagi;

Saya sudah dua tiga kali masuk penjara kerana menentang penjajah, bukan sebagai orang jahat dan bukan sebagai komunis tetapi sebagai nasionalis dan muslim berjuang untuk menegakkan kedaulatan bangsa dan agama (Dewan Rakyat, 23 Disember 1963).

Sebagaimana pendekatan mesej antikolonialisme Jepun yang memperlihatkan Dr Burhanuddin berkerjasama dengan penjajah tersebut dan kaedah ini turut digunakan juga terhadap komunis terutama ketika beliau mengetuai PKMM. Alasan berkerjasama ini kerana menghadapi serangan *United Malays National Organization* (UMNO) yang dianggapnya sebagai pewaris British (Mohammad Fauzi Zakaria 1997: 207) walaupun sebenarnya beliau anti komunisme dan menegaskan bahawa;

Soal ancaman komunis bukanlah satu soal yang boleh dipandang enteng. Gerakan komunis dunia nampaknya bertambah aktif walaupun bertentangan ideologi antara Russia dan China Komunis bertambah memuncak, janganlah kita harap bahawa iaitu memberi kesan untuk berihatnya sementara gerakan perkembangan komunis Internasional. Sementara Russia menghebatkan gerakannya di Eropah maka demikian pula China Komunis sentiasa bergerak cergas di Asia ini. Janganlah ada orang menyangka bahawa tamatnya gerakan komunis di Tanah Melayu dahulu bererti tamatnya gerakan komunis di negara kita ini, sebab komunis bukan hanya gerakan ganas semata-mata, tetapi ianya adalah satu isme politik yang menjadi kontra demokrasi malah musuh bagi Islam sendiri (Kamarudin Jaffar 1980: 226)

Dasar berkerjasama dengan PKM dihentikan selepas beliau menerajui PAS dan dengan tegas pula menyatakan bahawa beliau menentang kolonial dan tidak pula pro komunis. Perjuangan politiknya ialah untuk menuntut hak keadilan pribumi dan menjadikan Tanah Melayu merdeka lagi berdaulat sebagaimana sebelum pencerobohan penjajah (1980:241).

Semasa Dr Burhanuddin menerajui PAS, Parti Perikatan menuduh PAS sebagai bersekutu dengan komunis serta bersekongkol dengan Parti Komunis Indonesia (PKI). Tuduhan tersebut dilemparkan kerana PAS menolak penubuhan Malaysia (SP 185/8/64). Namun sebagai pemimpin sebuah parti politik Islam, beliau menolak tuduhan melulu dan tidak berasas itu seraya membidas Parti Perikatan, iaitu;

“... komunisme, sosialisme, Utopia, semuanya wujud dengan kedatangan penjajah, ia bukan ideologi tempatan. Ideologi tempatan ialah kebangsaan Melayu-Islam. PAS sebagai ‘son of the soil’ Tanah Melayu, tegak berdiri di atas ideologi Melayu

Islamnya. PAS bukan berbau komunis atau ejen orang luar... Perikatan terpaksa menuduh dan menyelar PAS kerana suara Perikatan adalah suara penjajah British (Dewan Rakyat, 15 Ogos 1963)

Menurut Dr. Burhanuddin lagi, 'kekaguman' beliau terhadap anggota komunis kerana mereka berani menentang penjajah bukan menyokong ideologi atau aliran komunisme. Justeru beliau tidak menyokong kegiatan komunis yang boleh menggugat ketenteraman awam seperti melakukan kekejaman, kezaliman, pembunuhan dan memecah-belah masyarakat. (*Dewan Rakyat*, 15 Ogos 1963).

Sifat keberanian dan semangat yang kental anggota komunis menentang penjajah baik Inggeris mahupun Jepun walaupun kekurangan logistik dan senjata telah menyebabkan Dr Burhanuddin tertarik berkerjasama dengan PKM. Namun demikian beliau tetap menolak doktrin yang dibawa oleh penjajah seperti kapitalisme, sekularisme dan komunisme merupakan suatu bentuk penjajahan baru yang akan mengancam minda dan budaya peribumi Tanah Melayu dan dengan tegas beliau menyatakan;

Yang lebih kutuk lagi ialah bahawa ada niat manusia cuba membaharui penjajahan mereka dengan cara fahaman politik mereka; samada fahaman kapitalis Barat atau fahaman komunis atau fahaman yang hendak menegakkan sesuatu cara kehidupan yang menekan kebebasan. (Ucapan Muktamar PAS:1961)

Selanjutnya Dr Burhanuddin melahirkan kebimbangan tentang penyebaran *isme* dan doktrin yang bertentangan dengan ajaran Islam yang dibawa oleh penjajah dikhuatiri meracuni minda dan budaya pribumi yang menurut pandangan beliau menjadi ancaman baru pasca merdeka (Kamaruddin Jaffar 1980: 226).

Menurut beliau komunisme adalah satu faham internasional. Justeru sekalipun komunisme dapat dihancurkan di Tanah Melayu, tidak semestinya komunisme sudah lenyap begitu sahaja kerana ia bersifat universal dan berkembang biak dari kemelaratan dan kemiskinan rakyat. Selagi wujud masyarakat melarat dan miskin, di situlah membiaknya komunisme. Oleh itu untuk menghapuskan komunisme tangani dahulu punya pembiakannya iaitu harus dibasmikan kemelaratan dan kemiskinan, sebaliknya bukan ditentang menggunakan senjata (Burhanuddin 1988:3).

Komunisme adalah satu penyakit masyarakat yang lahir daripada kemiskinan tegar dan ideologi komunis itu harus ditentang dengan cara aman dan damai dengan meningkatkan ekonomi rakyat sekali gus berusaha membasmi kemiskinan dalam kalangan rakyat marhaen. Dalam bukunya, *Islam dan Sosialisme* (1988:3), Dr Burhanuddin menyatakan prinsipnya terhadap komunisme, iaitu;

Islam dan komunisme tidak, dan tidak akan dapat disesuaikan. Tetapi ini tidak pula bererti bahawa kita tidak mempunyai sikap sendiri terhadap masalah komunisme dan terhadap masalah pemberontakan PKM. Komunisme adalah satu penyakit dalam masyarakat, satu penyakit yang lahir dari kemelaratan dan kesengsaraan dalam masyarakat kita sendiri. Kita mempunyai keyakinan terhadap kekuatan ideologi sendiri, terhadap kesucian dan kemuliaan keIslaman untuk mengatasi sebarang ideologi yang lain dan mempunyai keyakinan kepada kekuatan keimanan rakyat untuk menghadapi persaingan dan perlumbaan yang aman damai antara ideologi-ideologi di dalam masyarakat kita, maka ideologi kitalah yang akan dapat menakluki ideologi-ideologi yang lain kerana yang kita kehendaki ialah pemecahan dan penyelesaian yang aman damai kepada soal komunisme di tanah air kita, mengkehendaki agar ideologi komunis itu ditentang dengan aman dan damai demi kepentingan keamanan dan kesejahteraan rakyat Malaya ini.

KESIMPULAN

Mesej antikolonialisme dalam karya-karya Dr Burhanuddin klasifikasikan kepada tiga segmen; penentangan terhadap Inggeris, Jepun dan Komunis dan tidak dapat dinafikan bahawa mesej tersebut sedikit sebanyak telah membangkitkan semangat nasionalisme orang Melayu untuk menentang penjajahan kemudian membentuk gerakan menuntut kemerdekaan.

RUJUKAN

- Abdullah Hussein. (1969). *Dewan Masyarakat*. November, hlm. 28.
- Abdullah Zakaria Ghazali & Adnan Hj. Nawang. (pnyt.) (1997). *Biografi tokoh pilihan Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Majid Salleh. (2004). *Memoir Abdul Majid Salleh dalam PKMM dan kesatuan buruh*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Haji Abdullah (1994). *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Publication Kintan Sdn Bhd.
- Ahmad Boestamam. (1972). *Dr Burhanuddin: Putera setia Melayu raya*. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora.
- Ahmad Boestamam. (2004). *Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan darah dan api*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berita Harian*. 31 Oktober, 1969; 25 April 1993.
- BMA/ADM 327/46-5th Column: Intelligence reports, Malaya command and formations under Command, 1946.
- Burhanuddin Al Helmi. (1946). *Perjuangan kita*. Singapura: Parti Kebangsaan Melayu Malaya.
- Burhanuddin Al Helmi. (1947). *Agama dan politik*. Singapura: Penerbit Buana.
- Burhanuddin Al Helmi. (1954a). *Falsafah kebangsaan Melayu*. Bukit Mertajam. Penerbit Semenanjung.
- Burhanuddin Al Helmi. (1954b). *Ugama dan Politik*. Singapura: Buana.
- Burhanuddin Al Helmi. (1955). *Pidato sambutan Dr Burhanuddin Al Helmi kepada Kongres Parti Rakyat pada 24.12.1955*. Singapura: Parti Rakyat.
- Burhanuddin Al Helmi. (1988). *Memperjuangkan dan mengisi kemerdekaan*. Dlm. *Islam dan Sosialisme*. Kuala Lumpur: Ikrq
- Burhanuddin Al Helmi. (2005). *Simposium tasawuf dan tarikat*. Ipoh: Pustaka Muda.
- Dali Muin. (1985). Malam kenangan Prof. Dr Burhanuddin Helmi. *Wangi* 7: 66.
- Funston, N.J. (1980). *Malay politic in Malaysia*. Kuala Lumpur: Heinemen Educational Books Ltd.
- Harry J Benda, et.al. (1965). (ed.), Document no. 1, Principles Governing The Administrator of Occupied Southern areas. Dlm. *Japanese Administration in Indonesia: Selected Document*. Yale: Southeast Asia Studies, hlm. 1. <http://www.ummahonline.com/indexmodules.php?name=Nes&file=file=print&side=53> ([http://www.gsls.utexas.edu/www2.arkib.gov.my/hids/print.php?type=A&item\(7.10.2008](http://www.gsls.utexas.edu/www2.arkib.gov.my/hids/print.php?type=A&item(7.10.2008))
- Ibnu Hashim. (1993). *1950-2000 Sejarah kebangkitan dan masa depan, PAS kuasai Malaysia?* Kuala Lumpur: GG Edar
- Ishak Saat. (2009). *Malaysia 1945-2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ismail Said. (2008). *Dr Burhanuddin Al-Helmi: pejuang Melayu sejati*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Kamarudin Jaffar. (1980). *Dr Burhanuddin Al-Helmy: politik Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Anda.
- Kamus Dewan*. (1994). (Edisi Ke-3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Haji Yahaya. (2001). *Islam di alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mahmud Embong. (1991). Perkembangan awal gerakan momunis Tanah Melayu, 1924-1930. *Jebat Bil*. 19.
- Mahmud Embong. (1992). Komunisme dan orang Melayu, 1924-1949. Dlm Kobkua Suwannathat-Pian, et.al. *Dua Dekad Penyelidikan Sejarah, Bahasa dan Kebudayaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (2005). *Teori sastera kontemporari*. Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
- Means, G.P. (1976). *Malaysian politics*. (Cetak ulang). London: Holdder and Stoughton .
- Mohammad Muzammil Mohammad Noor. (2011). Burhanuddin Al-Helmi dan Muhammad Natsir: perbandingan pemikiran dan perjuangan. Tesis Ph.D di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. (2015). *Pemikiran politik Islam: Perbandingan antara pemikiran Dr Burhanuddin Al-Helmi dengan Muhammad Natsir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Isa Othman. (1992). *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, 1942-1945. Tumpuan di negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Salleh Lamry. (2006). *Gerakan kiri Melayu dalam perjuangan kemerdekaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nabir Hj. Abdullah. (1976). *Maahad Il Ihya Assyariiff Gunung Semanggol 1934-1959*. Bangi, Selangor: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- N.J. Funston. (1980). *Malay politics in Malaysia a study of UMNO and PAS*. Petaling Jaya: Heinemann Educational Books [Asia] Ltd.
- Pelita Malaya*, 1 dan 5 April 1946.
- Ramlah Adam. (1996). *Burhanuddin Al-Helmy suatu kemelut politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rashidah Ismail. (1969). Dr Burhanuddin al Helmi anak Melayu pertama mempelajari homeopati. *Dewan Masyarakat*, Disember: 7, hlm. 23.
- Roff, William R. (1962). Kaum muda- kaum tua: Innovation and reaction amongst the Malays, 1900-1941. Dlm. KG Tregonning (ed). *Journal of South-East Asian History*. Papers on Malayan History. Singapore:
- Saliha Hj. Hassan. (1972). Dr Burhanuddin Al-Helmi, a political biography. B.A Graduation Exercise, University Malaya.
- Saliha Haji Hassan. (1997). Dr Burhanuddin Al Helmi (1911-1969) dlm. Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Hj. Nawang (pnyt.). *Biografi tokoh pilihan Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 27
- Sinfield Alan. (1992). Art as cultural production. Dlm. Wolfreys, Julian (ed), *Literary Theories*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- SP/84, Ilias Hj. Zaidi, Dr. Burhanuddin al-Helmi Pelopor Kebangkitan Semangat.
- SP/89/112 – Siaran 26.7.1945, Persetujuan Jepun untuk Memerdekakan Tanah Melayu.
- SP 18/8B/40- A *Plot is Exposed* Cmd. 12 of 1965 Malaysia.
- SP 18/8B/40- A *Plot is Exposed* Cmd. 12 of 1965 Malaysia.
- SP 185/8/64, *Niat khianat Indonesia terhadap Malaysia*. Petaling Jaya, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Persekutuan, 1964.
- SP 28/A/18-Kongres PAS 1962-1964.
- SUK (Tr) 109/1361, Pemberitahuan Kerajaan, bil. 5/2486, Pejabat Maklumat.
- SUK(K) 243-2603.
- Ucapan Dr. Burhanuddin Al-Helmi dalam Mukhtamar PAS ke-10 pada tahun 1961.
- Ucapan Dr Burhanuddin Al-Helmi dari Federation of Malaya, *Parliamentary Debates Dewan Rakyat*, Vol. V Fifth Session, Part 1, May 1963-December 1963, 23 December 1963, “the Supply Bill”.
- Ucapan Dr Burhanuddin Al-Helmi dari Federation of Malaya, *Parliamentary Debates Dewan Rakyat*, Vol. V Fifth Session, Part 1, May 1963-December 1963, 15 August 1963, “The Malaysia Bill”.
- Utusan Melayu*, 18.3.1957.
- Utusan Melayu* 31 Ogos 1960.
- Voice of People, 16 November 1945, hlm. 8
- W. Mohd Azam Mohd Amin. (1997). *Antara asabiyyah dan nasionalisme menurut pandangan Dr Burhanuddin Al Helmi*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.
- Yoichi Itagaki. (1962). Some aspects of the Japanese Policy for Malaya under the Japanese occupation with special reference to nationalism. Dlm. K.G. Tregonning [ed.], *Papers on Malayan History*. Singapura, hlm. 257
- Yoji Akashi. (1969). Japanese military administration in Malaya-its formation and evolution in reference to sultans, the Islamic Religion and the Moslem-Malaya. *Asian Studies* bil.7:1 (April) hlm.82
- Zabidin Hj. Ismail. (1996). Dr Burhanuddin Al Helmi Putera Besar Melayu Raya (1911-1969). *Titian Mesra* (Buletin Rasmi Kerajaan Negeri Perak), 19 November, hlm. 20
- Zabidin Hj Ismail. (2010). *Pemikiran Politik dalam Novel-novel Ahmad Boestamam*. Kuala Lumpur: Penerrbit Universiti Malaya.
- Zabidin Hj. Ismail. (2000). Pemikiran dan Perjuangan Politik Dr Burhanuddin Al Helmi: Satu Perbincangan Tentang Aspek Islam. Latiham Ilmiah B.A (Hons) di Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zabidin Hj. Ismail (2003). *Pemikiran politik dalam novel-novel Ahmad Boestamam*. Tesis M.A. Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.
- Zabidin Hj Ismail. (2013). *30 Tokoh-tokoh tersohor negeri Perak*. Kuala Lumpur: Rasyaqierra Publications & Distributors.
- Zabidin Hj. Ismail. (2014). Mesej nasionalisme dan Islam dalam sajak-sajak Zulkifli Muhammad, *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 25:210-232.
- Zabidin Haji Ismail. (2015). Pemikiran politik Dr Burhanuddin Al Helmi. Kertas Kerja *Wacana Pemikiran Politik Dr Burhanuddin Al Helmi* anjuran Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI pada 18 Nov 2015
- Zabidin Hj. Ismail. (2015). Perjuangan dan pemikiran politik Dr Burhanuddin Al Helmi. *Jurnal Peradaban Melayu*. Institut Peradaban Melayu (IPM), UPSI, Okt. 2015.
- Zabidin Haji Ismail. (2016). Perjuangan dan pemikiran politik Dr Burhanuddin Al Helmi dalam politik Malaysia pra merdeka. Kertas Kerja *Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Budaya dan Bahasa di Alam Melayu Nusantara (ASBAM) ke-5*, anjuran Fakultas Ilmu Budaya Universiti Hasanuddin, Makassar, Indonesia,

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor dan Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia (IAAM) pada 26-27 Julai 2016 di Makassar, Sulawesi, Indonesia.
Zabidin Hj. Ismail. (2017). Dr Burhanuddin Al Helmi pemikir politik Islam nusantara. *Dewan Budaya*, Februari, bil.2, hlm. 38-41